

Headline	Tun Mahathir kaji kebenaran		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Mahkamah	Color	Black/white
Page No	12	ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 797	PR Value	RM 2,392



# Tun Mahathir kaji kebenaran

**KUALA LUMPUR** - Bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan mengkaji semula kebenaran dakwaan bekas timbalannya Tun Musa Hitam yang mengatakan beliau berada di Kuala Lumpur semasa tragedi Memali pada 1985.

"Saya sedang kaji kebenaran tentang apa yang disebut oleh Tun Musa.

"Pasal ini berlaku sudah begitu lama saya kena semak baliklah apa yang dia kata betul ataupun tidak," kata Dr Mahathir selepas menghadiri majlis dianjur Alumni Universiti Utara Malaysia di Istana Hotel semalam.

Selepas hampir 30 tahun peristiwa Memali, Musa mendedahkan Dr Mahathir berada di Kuala Lumpur, bukannya China sebagaimana yang dilaporkan sebelum ini.

Pendedahan ini dibuat sendiri oleh Musa ketika peristiwa itu berlaku pada 19 November 1985 yang mengorbankan 14 orang dan berpuluhan yang lain cedera.

Musa mendedahkan perkara ini dalam "Diskusi Politik Malaysia: Dulu dan Sekarang" anjuran kerajaan negeri Kelantan yang diadakan di Kota Baru baru-baru ini.

**“ Pasal ini berlaku sudah begitu lama  
saya kena semak baliklah apa yang  
dia kata betul ataupun tidak.” -Mahathir**